



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PERASMIAN MADRASAH BUSTANUL ULUM DI TAMAN TUGU

Projek Taman Tugu ini merupakan projek pemuliharaan dan pemeliharaan hutan semulajadi telah mula dilancarkan pada 4 September 2016. Projek ini dilaksanakan atas tanah hutan semulajadi seluas 66 ekar yang terletak berhampiran dengan Tugu Negara yang berfungsi sebagai 'green lung' Ibu Kota Kuala Lumpur. Ianya mampu menyediakan ruang untuk aktiviti penjagaan alam sekitar terutamanya pendidikan biodiversiti kepada golongan muda dan tumpuan rekreasi kepada warga kota. Projek ini telah dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan usaha Khazanah untuk membangunkan Taman Tugu secara Corporate Social Responsibility dilihat memberi manfaat kepada rakyat dan disokong oleh Kerajaan.

Kementerian Wilayah Persekutuan mendapati projek pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hijau ini akan menjadi salah satu tarikan pelancong yang berkunjung ke Kuala Lumpur kerana ia dapat mengintegrasikan dan menghubungkan kawasan-kawasan pelancongan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur seperti Taman Botani Perdana, Little India, Heritage Trail dan Projek River of Life. Satu Badan Pemegang Amanah iaitu Amanah Warisan Negara (AWAN) yang telah diwujudkan pada 10 Januari 2018 untuk menguruskan segala aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan serta aset Taman Tugu. Disamping itu aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan hijau, Projek ini telah juga melaksanakan pembangunan semula bebanan atas tapak seperti Madrasah Bustanul Ulum, Kuil Hindu dan jajaran paip bawah tanah.

Pembangunan semula Madrasah Bustanul Ulum mula dilaksanakan pada suku tahun kedua 2017 dan siap sepenuhnya pada Disember 2020 di lokasi yang lebih strategik. Kemudahan baru ini akan memberikan keselesaan di mana mampu menempatkan lebih 1000 orang jemaah dalam satu masa. Madrasah ini akan juga mempunyai 3 unit kuarters untuk kegunaan pengurusan madrasah. Malah terdapat gerai-gerai makanan turut dibina dalam kawasan surau ini. Kos pembinaan surau ini adalah melalui peruntukan yang telah disediakan melalui Dana Mudah Cara daripada Unit Kerjasama Swasta Awam (UKAS) dan sumbangan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Diharap Madrasah ini dapat digunakan oleh warga kota dan pengunjung di kawasan ini.

TAN SRI TP. HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
5 Februari 2021 (23 Jamadil Akhir 1442H)